

**DRAF TEKS UCAPAN ALUAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**MAJLIS PROMOSI UPM BERSAMA MEDIA 2025**

**8 MEI 2025  
RESTORAN L'APPRENTI UPM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir Seluruh Alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.

TERIMA KASIH SAUDARI Pengerusi Majlis,

YBhg. Prof. Dr. Zamberi Sekawi  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Prof. Dr. Hang Tuah BT Baharudin  
Timbalan Naib Canselor (Jaringan, Industri dan Masyarakat)

YBrs. Prof. Madya Dr. Dahlia Zawawi  
Pengarah Pusat Strategi dan Pengurusan Korporat UPM

Ahli-ahli Pengurusan Universiti

**Ketua- ketua Pengarang Kumpulan Media Massa**

**Pengarang-pengarang Berita**

**Rakan-rakan wartawan**

Serta sidang hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera DAN Salam Malaysia Madani

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian yang dirahmati Allah SWT,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kehadiran Allah S.W.T hari ini, dapat kita bersama-sama dalam majlis ini, berkumpul merapatkan lagi ukhwah sesama kita.
2. Dikesempatan ini, saya mewakili seluruh warga UPM mengalu-alukan rakan-rakan media yang berkesempatan hadir ke majlis ini serta mengucapkan selamat datang ke kampus hijau paling lestari 2024.
3. Tahun 2024 telah lama meninggalkan kita, namun pencapaian pada tahun itu tetap kita gunakan sebagai kayu ukur perjalanan UPM pada tahun ini dan akan datang.
4. UPM telah pun melancarkan Blueprint Keterjaminan Makanan serta mengangkat PUTRA-Pertanian Untuk Rakyat sebagai tumpuan utama PM tahun lalu. Blueprint Keterjaminan Makanan kini menjadi rujukan universiti bukan sahaja dalam negara melalui Nexus Keterjaminan Makanan, malah merentasi institusi pendidikan tinggi di Asia Pasifik.
5. Semangat PUTRA kita semaikan kepada semua pelajar dan staf supaya dapat dikembangkan kepada masyarakat melalui program-program bersama masyarakat.
6. Agenda keterjaminan makanan merupakan agenda yang berterusan, tiada titik nokhtah dalam membantu negara menanganinya dalam pelbagai peringkat lapisan masyarakat.
7. Untuk itu, pada Jun ini, UPM sekali lagi akan menganjurkan Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2025. Persidangan yang diadakan secara dwi -tahunan ini akan melibatkan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan orang awam membincangkan solusi agenda pertanian dan keterjaminan makanan sebagai cadangan untuk dibawa kepada kerajaan.
8. Merujuk kepada iltizam UPM sebagai universiti paling lestari, UPM telah mencatatkan 2 Malaysia Book of Record iaitu bagi sistem solar agrovoltaik dan sistem solar terapung di Fakulti Kejuruteraan UPM.
9. Dalam agenda kelestarian ini UPM turut tidak mahu ketinggalan, jadi UPM telah menggerakkan pasukan khas untuk merangka pelan tindakan kesihatan bumi- Planetary Health Blueprint yang boleh digunakan oleh semua pihak dalam melaksanakan agenda Sustainability Development Goals dan Environmental, Social and Governance.
10. Kita jangkakan ia akan dilancarkan menjelang bulan Julai tahun ini, insyallah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

11. Menurut data, pada tahun lalu UPM telah memperoleh sebanyak 11,003 kali media mention dengan nilai perhubungan awam melebihi RM3 bilion. Ini menjadikan UPM mendahului 4 universiti penyelidikan lain.
12. Apa yang kita harapkan, setiap perkongsian oleh pakar-pakar UPM dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada masyarakat umum.
13. Justeru, pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga UPM ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan media yang telah sekian lama bersama dengan UPM membantu meningkatkan reputasi UPM kepada masyarakat. Memberi peluang kepada 1,807 (seribu lapan ratus tujuh) pakar UPM untuk berkongsi kepakaran masing-masing kepada masyarakat, untuk kebaikan bersama.
14. Malam ini, kita juga akan menyaksikan penyampaian anugerah kepada warga UPM yang banyak menyumbang keterlihatan UPM bersama media dan Anugerah Media 2024 sebagai penghargaan UPM kepada anda semua.
15. Kami mengharapkan ikatan sediada ini, akan terus terjalin dengan harmoni sampai bila-bila.
16. Kami mendoakan agar semua yang ada disini hari ini, agar Allah s.w.t berikan kesihatan dan kesejahteraan, dan setiap yang kita lakukan mendapat keredhaan dari-Nya.
17. Dengan itu, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian.